

**ASPEK KEKELUARGAAN MODEL EPSTEIN MEMPENGARUHI TAHAP  
PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PELAKSANAAN RANCANGAN PENDIDIKAN  
INDIVIDU MURID BERKEPERLUAN KHAS**

**<sup>a</sup>Siti Hajarat Ramly**

**<sup>b</sup>Aliza Alias**

*<sup>a</sup>Sekolah Kebangsaan Batu Unjur, Klang Selangor.*

*<sup>b</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.*

**<sup>a</sup>sitihajarat@gmail.com**

**<sup>b</sup>eliza@ukm.edu.my**

**Abstrak:** Murid berkeperluan khas (MBK) adalah murid yang mempunyai masalah pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran terhadap MBK ini perlukan mempertimbangkan masalah pembelajaran yang dihadapi seperti kesukaran dalam membaca, memahami isi pengajaran dan masalah tingkah laku. Bagi membantu MBK ini dalam proses pembelajaran, Rancangan Pendidikan Individu (RPI) menjadi panduan dalam memastikan intervensi pendidikan mahupun modifikasi tingkah laku dijalankan dengan efisien. Selain dari guru, ibu bapa turut terlibat dalam menentukan objektif pembelajaran dan pengubahsuaian dalam RPI. Oleh itu, kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti penglibatan ibu bapa MBK dalam pelaksanaan RPI dari aspek penglibatan Epstein iaitu keibubapaan, komunikasi, memberi bantuan sukarela, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan berkolaborasi dengan komuniti. Hasil analisis regresi berganda terhadap 306 set borang soal selidik yang diedarkan kepada ibu bapa MBK, mendapati bahawa hanya lima aspek Epstein yang menyumbang kepada tahap penglibatan ibu bapa iaitu komunikasi (22.7%), pembelajaran di rumah (16.5%), bantuan sukarela (27.2%) dan keibubapaan (18.0%) dan membuat keputusan (16.5%). Sebaliknya, aspek kolaborasi dengan komuniti tidak mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan RPI. Kesimpulannya, aspek kekeluargaan Epstein antara ibu bapa MBK dengan guru pendidikan khas amat penting sehingga penglibatan ibubapa dalam pelaksanaan RPI anak masing-masing di sekolah adalah tinggi.

**Kata Kunci:** Penglibatan, Rancangan Pendidikan Individu (RPI), Murid Berkeperluan Khas (MBK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

## PENDAHULUAN

Murid Berkeperluan Khas (MBK) adalah murid yang mempunyai masalah pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran terhadap MBK ini memerlukan pertimbangan dalam masalah pembelajaran yang dihadapi seperti kesukaran dalam membaca, memahami isi pengajaran dan masalah tingkah laku. Oleh itu, MBK memerlukan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) sebagai panduan dalam memastikan intervensi pendidikan mahupun modifikasi tingkah laku dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan efektif. Selain daripada guru, ibu bapa turut dipertanggungjawabkan dalam menentukan objektif pembelajaran dan pengubahsuaian dalam RPI. Perkara ini telah termaktub dalam pindaan undang-undang Akta Pendidikan Kurang Upaya (IDEA 2004) apabila keperluan ibu bapa dalam melibatkan diri dalam program pembelajaran dianggap setara dengan guru. Ibu bapa mempunyai kuasa untuk membantah (*due process*) dan berbincang dalam mengendalikan anak berkeperluan khas mereka di sekolah (Resch et. al, 2010). Walaupun keterangan jelas mengenai peranan ibu bapa yang setaraf dengan guru sepanjang pelaksanaan RPI, namun ibu bapa kurang mengetahui kepentingan dan had mereka dalam melibatkan diri (Hodge & Runswick, 2008; Turnbull et al. 2006).

Pihak ibu bapa tidak menyedari kepentingan sumbangan mereka kepada pelaksanaan RPI. Selalunya, RPI selesai apabila pihak ibu bapa menghadiri mesyuarat dan hanya menandatangani dokumen RPI tersebut tanpa pertanyaan (Tucker & Schwartz, 2013; Brandi 2008). Lazimnya, ibu bapa menghadiri mesyuarat RPI, duduk dan mendengar guru kelas membaca kembali RPI yang ditulis, menandatangani dan terus berlalu pergi. Struktur penglibatan ibu bapa yang kukuh mampu pengaruh kesan positif terhadap perkembangan murid berkeperluan khas (Carter et al. 2009). Selari dengan pernyataan tersebut Graham-Clay (2010), menyatakan bahawa ibu bapa ialah asas sokongan dan dorongan untuk murid berjaya. Dalam kajian Tucker dan Schwartz (2013), ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pelaksanaan RPI kerana tiada persefahaman dan menentukan matlamat pembelajaran anak mereka. Perkara ini timbul kerana kelompongan berlaku dari beberapa aspek antaranya seperti kurangnya nilai keibubapaan, komunikasi dan tiada semangat kesukarelawanan

dalam meningkatkan penglibatan antara ibu bapa dan guru (Stein, 2009). Berdasarkan Model Epstein, tahap penglibatan ibu bapa merangkumi enam aspek utama iaitu keibubapaan, komunikasi, kesukarelawanan, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan berkolaborasi dengan komuniti (Epstein, 2013).

Sehubungan itu, penglibatan ibu bapa dipengaruhi oleh aspek-aspek berikut dalam membina satu persefahaman di antara ibu bapa dan guru dalam menentukan objektif pembelajaran MBK seperti yang terkandung dalam RPI (Houtenville & Conway, 2008). Aplikasi model Epstein adalah strategi terbaik bagi mengenalpasti tahap penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan RPI (Williams-Diehm et al. 2014).

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sumbangan aspek penglibatan Epstein terhadap tahap penglibatan ibu bapa Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu di sekolah yang mempunyai PPKI di daerah Klang, Selangor. Sehubungan dengan itu, tahap penglibatan ibu bapa diukur berdasarkan 6 aspek utama yang diketengahkan dalam model penglibatan Epstein yang terdiri daripada keibubapaan, komunikasi, kesukarelawanan, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan berkolaborasi dengan komuniti (Epstein, 2013). Merujuk kepada model penglibatan Epstein ini, tindakan atau inisiatif ibu bapa yang perlu ditekankan dapat dikenal pasti dalam memastikan penglibatan ibu bapa secara maksimum sepanjang pelaksanaan RPI ini. Oleh itu, dapatan kajian yang diperolehi ini memberi panduan kepada ibu bapa tentang bentuk penglibatan yang perlu ditekankan dalam pelaksanaan RPI bagi anak mereka.

## PERNYATAAN MASALAH

Rancangan Pendidikan Individu memperuntukkan jalinan kerjasama di antara ibu bapa dan guru bagi memenuhi keperluan individu murid berkeperluan khas (MBK). Pentingnya penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bagi MBK tidak dapat dinafikan. Kajian Epstein (2011), menyatakan bahawa penggunaan model Epstein mampu mengenal pasti keberkesanan penglibatan ibu bapa dalam kelancaran urusan guru, membina perkembangan diri kanak-kanak melalui tingkah

laku, emosi dan konsep kendiri. Weishaar (2010), juga menyatakan bahawa salah satu komponen utama dalam pengukuhan RPI adalah memperuntukkan penglibatan ibu bapa dan diikuti dengan pemfokusan kepada murid serta dokumentasi RPI oleh guru.

Keutamaan penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan RPI dikira signifikan di mana sebahagian besar masa anak-anak diluangkan bersama ibu bapa. Namun, ibu bapa tidak mengetahui had penglibatan mereka dalam pelaksanaan RPI Di sekolah (Tucker & Schwartz 2013). Oleh itu, penggunaan model Epstein bersesuaian dalam memastikan ibu bapa melibatkan diri dari pelbagai aspek yang didedahkan termasuklah dari aspek keibubapaan, komunikasi, bantuan sukarela, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan kolaborasi dengan komuniti.

Tidak banyak diketahui tentang mengapa ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak terutamanya berkaitan pelaksanaan RPI di sekolah. Dalam kajian Tucker dan Schwartz (2013), ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pelaksanaan RPI kerana tiada persefahaman dalam menentukan matlamat pembelajaran anak mereka. Selain itu, kurangnya pengetahuan terhadap pelaksanaan RPI menyebabkan mereka sukar untuk membuat keputusan tentang RPI anak mereka (Cook & Friend 2010). Perbezaan matlamat dalam RPI menjadi punca kepada sukaranya ibu bapa dan guru untuk berkolaborasi dengan baik.

Selain itu, kurangnya pengetahuan terhadap pelaksanaan RPI menyebabkan mereka sukar untuk membuat keputusan tentang RPI anak mereka (Cook & Friend 2010). Ini turut berpunca apabila RPI tidak digunakan sebagai alat berkolaborasi kerana berlakunya perbezaan matlamat RPI bagi semua pihak yang terlibat. Menurut Abidah (2014), kurangnya penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan RPI berpunca daripada sikap ibu bapa itu sendiri. Perkara ini berlaku akibat kurangnya amalan dari segi

aspek penglibatan ibu bapa dan tidak mempercayai kemahiran guru dalam menyediakan kurikulum yang bersesuaian dengan anak mereka. Malahan, perkara ini terjadi dalam kajian Zeitlin & Curcic (2014), terdapat hanya segelintir ibu bapa terlibat dalam membuat

keputusan RPI anak-anak mereka akibat daripada pelaksanaan sidang mesyuarat RPI yang terbuka dan tumpuan kepada pendokumentasian sahaja tanpa campur tangan ibu bapa. Situasi ini juga wujud disebabkan oleh sikap lepas tangan ibu bapa dalam menyerahkan sepenuhnya tugas pelaksanaan RPI kepada guru dan beranggapan bahawa penguatkuasaan RPI adalah tanggungjawab pihak sekolah sepenuhnya (Cohen2009).

Alasan kepada kurangnya penglibatan ibu bapa ini mesti dikenalpasti. Permasalahan yang wujud dalam kalangan ibu bapa ini telah dikelompokkan mengikut enam aspek utama yang diperkenalkan dalam model Epstein ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan melalui aspek-aspek utama yang didedahkan dalam model Epstein bersesuaian dengan penglibatan ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Pendedahan aspek-aspek utama ini mampu mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa dan seterusnya memberi keutamaan terhadap aspek-aspek yang boleh ditambah baik sepanjang pelaksanaan RPI(Epstein 2011).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan ini memfokuskan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik Likert-5 sebagai instrumen utama untuk mengenal pasti aspek penglibatan Epstein yang menyumbang kepada tahap penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan RPI di PPKI. Instrumen soal selidik Likert-5 dibina berdasarkan Model Epstein (Stein 2009). Data diperolehi daripada 306 borang soal selidik yang telah dikembalikan oleh ibu bapa MBK di PPKI daerah Klang, Selangor. Pemilihan ibu bapa sebagai peserta kajian adalah berdasarkan beberapa kriteria yang difokuskan iaitu ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas yang bersekolah di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di daerah Klang, Selangor yang menjalankan RPI secara aktif berdasarkan pemerhatian dan persetujuan daripada peserta tersebut..

Instrumen borang soal selidik yang dibina untuk mengenal pasti sumbangan dari aspek penglibatan Epstein terhadap tahap penglibatan ibu bapa ini mempunyai 6 konstruk iaitu keibubapaan (BP), komunikasi (KM), bantuan sukarela (BS), pembelajaran di rumah (PR), membuat keputusan

(MK) dan berkolaborasi dengan komuniti (KB). Data kuantitatif analisis regresi berganda dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) 22 dalam mengenal pasti sumbangan enam peramal aspek penglibatan Epstein terhadap tahap penglibatan ibu bapa MBK dalam pelaksanaan RPI ini.

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

### Sumbangan aspek Model Epstein dalam tahap penglibatan ibu bapa bagi pelaksanaan

### Rancangan Pendidikan Individu (RPI) Murid Berkeperluan Khas di sekolah Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Dalam analisis ini terdapat enam konstruk iaitu keibubapaan, komunikasi, bantuan sukarela, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan berkolaborasi dengan komuniti yang digunakan sebagai pemboleh ubah peramal terhadap pemboleh ubah bersandar (kriterion) iaitu tahap penglibatan ibu bapa. Hasil analisis model regresi menunjukkan lima daripada enam pemboleh ubah tidak bersandar iaitu keibubapaan (BP), komunikasi (KM), bantuan sukarela (BS), pembelajaran di rumah (PR) dan membuat keputusan (MK) diketengahkan sebagai peramal yang menyumbang kepada tahap penglibatan ibu bapa pada aras signifikan  $p < 0.05$ . Manakala, pemboleh ubah peramal kolaborasi dengan komuniti (KB) tidak mempunyai pengaruh terhadap tahap penglibatan ibu bapa. Oleh sebab ia tidak mempengaruhi, maka pemboleh ubah ini disingkirkan daripada model peramal regresi berganda ini.

*Jadual 1- Hasil analisis regresi berganda bagi pemboleh ubah peramal yang paling menyumbang kepada tahap penglibatan ibu bapa Murid Berkeperluan Khas bagi pelaksanaan RPI di daerah Klang, Selangor.*

Pemboleh ubah peramal	R	R <sup>2</sup>	F	B	β	t	Sig
				-0.49		-4.129	.00
Komunikasi (KM)	.999	.998	25213.42	.227	.272	46.479	.00
Pembelajaran di rumah (PR)				.165	.176	29.724	.00
Bantuan sukarela (BS)				.272	.291	64.261	.00
Keibubapaan (BP)				.180	.219	45.872	.00
Membuat Keputusan (MK)				.165	.199	44.585	.00

Berdasarkan Jadual 1, hanya lima aspek Epstein yang menyumbang kepada tahap penglibatan ibu bapa iaitu komunikasi (22.7%), pembelajaran di rumah (16.5%), bantuan sukarela (27.2%) dan keibubapaan (18.0%) dan membuat keputusan (16.5%). Oleh itu secara khusus, keputusan analisis data menunjukkan pelaksanaan RPI di sekolah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan pembelajaran yang

bahawa sampel kajian ( $n=306$ ) mempunyai satu pemboleh ubah peramal terbesar kepada peningkatan tahap penglibatan ibu bapa MBK dalam pelaksanaan RPI di daerah Klang iaitu aspek komunikasi (KM). Berdasarkan dapatan kajian tersebut, Ibu bapa dilihat menunjukkan penglibatan yang tinggi terhadap terbaik dan efektif kepada murid berkeperluan khas.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Penglibatan ibu bapa dalam perlaksanaan RPI adalah tinggi dengan pengaruh daripada lima aspek model Epstein iaitu komunikasi, pembelajaran dirumah, bantuan sukarela, keibubapaan dan membuat keputusan. Aspek kolaborasi dengan komuniti tidak mempengaruhi tahap penglibatan ibu bapa sama sekali. Oleh itu, boleh dirangkumkan bahawa lima aspek ini menjadi penggerak kepada pihak ibu bapa di daerah Klang, Selangor melibatkan diri secara aktif dalam program pendidikan RPI yang dilaksanakan.

Berdasarkan dapatan, aspek komunikasi dikenalpasti sebagai penyumbang utama dalam mempengaruhi tahap penglibatan ibu bapa MBK di PPKI daerah Klang, Selangor. Oleh itu aspek komunikasi amatlah dititikberatkan . Aspek komunikasi merangkumi kemahiran interpersonal yang baik antara ibu bapa dan guru-guru dengan mewujudkan persekitaran yang harmoni dalam memberikan keselesaan dalam berkomunikasi. Menurut Abdul Rahim (2006), komunikasi terjejas akibat kegagalan menggunakan bahasa yang bersesuaian dan menyebabkan timbul salah faham mesej sebenar yang ingin disampaikan. Pendek kata, kemahiran komunikasi yang berkesan amat dititikberatkan apabila berurus dengan ibu bapa kanak-kanak istimewa yang mudah rasa tersinggung (Turnbull et al. 2006). Oleh itu, bantuan alat komunikasi melalui teknologi yang boleh diakses segera amat diperuntukkan dalam menjayakan komunikasi yang berkesan ini (Epstein et al., 2011; Tveit, 2009). Seiring dengan arus kemodenan kini, Piper (2012) mengesyorkan pembinaan laman web sekolah sebagai mod tambahan efektif dalam komunikasi antara ibu bapa dengan guru. Contohnya, ibu bapa turut disyorkan melanggan kalendar dinamik yang menggunakan iCal atau RSS yang dapat membantu ibu bapa mengetahui maklumat dan perkembangan anak mereka secara terkini dan lebih kerap.

Selain itu, ibu bapa juga boleh memainkan peranan sebagai perantara utama dengan berkongsi maklumat mengenai kesihatan anak dan sejarah pendidikan MBK kepada guru dalam memudahkan penentuan objektif pembelajaran anak mereka (Sullivan, 2015). Malahan, guru-guru juga perlu mengambil inisiatif untuk mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan RPI ini dengan mempraktikkan komunikasi yang berkesan (Williams-Diehm et al., 2014). Namun, seringnya berlaku salah faham komunikasi kerana kurangnya

masa penglibatan bersama dalam program berkaitan pelaksanaan RPI (Madigan & Schroth-Cavataio, 2010). Oleh itu, penglibatan bersama dapat mengelakkan berlakunya pertikaian dalam keputusan yang dibuat dalam pembinaan matlamat pembelajaran dalam RPI, mengurangkan kesilapan dan menolak berlakunya pertikaian dalam hak pendidikan murid berkeperluan khas seperti yang didokumenkan dalam IDEA (Christle & Yell, 2010; Staples & Diliberto, 2010).

Aspek pembelajaran di rumah turut mendorong ibu bapa untuk melibatkan diri dalam program pendidikan RPI, malahan sekali gus dapat membantu anak mereka membuat kerja rumah, meningkatkan kemahiran membaca, malahan memberi peluang kepada ibu bapa mempraktikkan pembelajaran yang dipelajari terhadap anak mereka (Epstein et al., 2009). Kenyataan disokong oleh (Shahrul et al., (2008), menyatakan bahawa faktor kejayaan dan kecemerlangan MBK ini berpunca daripada sikap ibu bapa yang sangat mementingkan pendidikan dan telah melibatkan diri dalam pendidikan anak sejak anak masih kecil. Pada masa yang sama, ibu bapa bertindak mempelajari apa yang akan diajarkan kepada anak untuk membolehkan mereka mempraktikkan pengajaran tersebut di rumah menggunakan teknik yang telah dipelajari. Kesannya, usaha ibu bapa dalam menyediakan pembelajaran di rumah ini mampu mempengaruhi kejayaan anak mereka. Natijah kepada sikap ibu bapa yang tidak memberi tumpuan kepada pembelajaran anak dapat dilihat dalam kajian Tubah (2011), yang menunjukkan masalah murid dalam menghadapi Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) berlaku apabila para ibu yang kebanyakannya suri rumah didapati kurang memainkan peranan dalam memberikan pendidikan anak di rumah walaupun mereka berada di rumah sepenuh masa. Maka, ibu bapa perlu proaktif di sekolah mahupun di rumah dalam membekalkan pembelajaran yang berguna kepada MBK. Keberkesaan RPI juga memperuntukkan intervensi mahupun modifikasi tingkah laku yang berterusan supaya MBK tidak keliru dan memahami rutin yang ingin diterapkan seperti dimatlamatkan dalam program pendidikan RPI.

Selain itu, aspek kesukarelawanan turut bertindak mempengaruhi penglibatan ibu bapa untuk meluangkan masa dan kemahiran yang diperolehi bagi membantu sekolah, guru dan anak

mereka. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sukarelawan ini boleh diwujudkan di sekolah dalam membantu menaiktaraf pusat sumber, bilik komputer, taman permainan, kantin dan aktiviti selepas sekolah seperti program sambutan, aktiviti kesukanan ataupun program-program berkaitan (Epstein et al., 2011). Penaiktarafan ini turut sama mempengaruhi pelaksanaan RPI dengan membuka peluang dan mempelbagaikan sumber yang dapat digunakan dalam membantu MBK untuk memperoleh sumber pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) secara maksimum. Malahan menurut Epstein (2005), dalam kajiannya menunjukkan penubuhan kumpulan tindakan yang melibatkan ibu bapa, guru dan pihak sokongan dalam meningkatkan perkembangan kandungan kurikulum dan pendekatan instruksional dalam kelas, turut menyebabkan peningkatan penglibatan ibu bapa dan pihak komuniti yang mempunyai pelbagai bangsa bersama-sama membina program pendidikan MBK secara efisien.

Tambahan lagi, bantuan sukarela ini membantu guru dan ibu bapa untuk fokus dalam membantu MBK dalam mempelajari aspek positif termasuklah kejujuran, mendengar, menghormati orang lain dan boleh bergaul dengan rakan. Program sukarelawan yang mantap mampu membina ikatan di antara rumah, sekolah dan komuniti dalam mewujudkan budaya sekolah yang positif malahan mampu meningkatkan pencapaian murid (Epstein, 2013). Bantuan sukarela bukan sahaja terhad dalam kurikulum murid, namun advokasi dalam komuniti, sekolah dan ibu bapa boleh diwujudkan dalam memberi kesedaran kepada pentingnya kesihatan menerusi program kesihatan yang diwujudkan negeri, daerah, sekolah maupun di dalam bilik darjah (Michael et al., 2007).

Aspek membuat keputusan turut mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam melibatkan diri dalam pelaksanaan RPI di sekolah. Aspek membuat keputusan ini melibatkan ibu bapa membuat keputusan mengenai program sekolah, aktiviti dan penentuan rancangan pembelajaran masa hadapan. Oleh itu, ibu bapa automatik akan didedahkan mengenai polisi sekolah dan diberikan peluang untuk melibatkan diri bagi menyokong sekolah dan pembelajaran anak mereka (Epstein et al., 2005). Tidak menjadi satu

beban kepada ibu bapa dalam membuat keputusan mengenai pembelajaran anak mereka. Perkara ini dipersetujui oleh Erdener & Knoeppel (2013), yang menunjukkan ibu bapa telah menubuhkan sebuah organisasi ibu bapa dan guru yang memainkan peranan dalam menentukan program sekolah dan aktiviti yang akan dijalankan. Malahan, perbincangan dan menyediakan proses pembelajaran di rumah terhadap anak mereka.

Tidak dapat dinafikan, tidak kesemua ibu bapa menerima kekurangan atau kecacatan anak mereka sendiri. Menurut Marschark & Hauser (2011), kecacatan anak mereka mempengaruhi ibu bapa secara peribadi, ekonomi dan sosial sejak mereka lahir. Tidak mustahil, keadaan ni mendatangkan tekanan kepada ibu bapa dan mengakibatkan timbul rasa kekurangan diri, geram dan rasa bersalah jika tidak ditangani dengan baik. Walau apa pun kekurangan atau kelebihan seseorang anak itu, ibu bapa tetap memikul tanggungjawab dalam memastikan perkembangan sosial, emosi, linguistik dan kognitif anak dipupuk dengan baik (Churchill et al. 2010).

Kenyataan tersebut menunjukkan betapa pentingnya penglibatan ibu bapa dalam memberi didikan kepada anak-anak. Oleh itu, ibu bapa dikategorikan sebagai sumber rujukan pertama dalam memupuk nilai, norma dan gaya hidup yang diikuti oleh anak. Maka, faktor ini menunjukkan ibu bapa merupakan penyumbang utama dalam menentukan kejayaan atau kegagalan anak.

Oleh itu, penglibatan ibu bapa perlu dititikberatkan bagi memastikan kejayaan bersama dalam pelaksanaan RPI di sekolah. Perkara ini disokong oleh Siti Hasnah Bandu (2013), di mana perbincangan dan penyediaan RPI di sekolah-sekolah di Malaysia sebelum ini adalah kurang berjaya apabila guru sekolah tidak melibatkan ibu bapa sebagai salah satu ahli pasukan seperti yang dinyatakan dalam buku panduan RPI yang disediakan. Ibu bapa menunjukkan penglibatan yang tinggi terhadap pelaksanaan RPI di sekolah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan pembelajaran yang terbaik dan efektif kepada MBK. Penglibatan ibu bapa terhadap pelaksanaan RPI termasuklah menghadiri mesyuarat, membuat keputusan, pentaksiran, penempatan dan implementasi RPI ini terhadap murid berkeperluan khas ini bukanlah satu konsep

yang baru diperkenalkan (IDEA 2004).

Michael et al. (2007), menekankan bahawa penglibatan ibu bapa, sekolah dan kerjasama dalam komuniti mampu meningkatkan sumber kepada pembelajaran murid, mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan mewujudkan komuniti yang harmoni. Pengaruh keluarga juga mampu menarik minat murid untuk belajar dan menjadi aspirasi dalam meningkatkan kemahiran motor murid (Weiss et al. 2010) dan merupakan guru pertama bagi anak mereka (Lim & Chia 2017). Tambahan lagi, kepentingan ibu bapa melibatkan diri dalam komuniti sekolah mampu memangkin pencapaian akademik murid, kehadiran murid yang baik dan mampu menyokong dan menaikkan kualiti dan program sekolah (Michael et al., 2007).

Dalam kajian Siti Hasnah (2013), ibu bapa menunjukkan penglibatan yang positif terutamanya dalam melibatkan diri secara sukarela, membantu pembelajaran anak di rumah dan membantu membuat keputusan dalam mesyuarat sepanjang pelaksanaan RPI diadakan. Namun, terdapat beberapa kekangan seperti kurangnya komunikasi dua hala di mana ibu bapa tidak diterangkan konsep RPI, kurangnya pengetahuan dalam pendidikan anak-anak terutamanya dalam penentuan matlamat dan objektif pembelajaran bagi anak mereka. Secara keseluruhannya, ibu bapa tidak mengetahui pengetahuan berkaitan skop penglibatan ibu bapa sepanjang pelaksanaan RPI.

Akhir sekali, prosedur pelaksanaan RPI akan dilaksanakan dengan baik melalui usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak sekolah, guru-guru yang diberi pendedahan dan gesaan mengenai kepentingan RPI. Hasilnya, ibu bapa yang terlibat dalam RPI semakin mudah untuk berkolaboratif dalam menghadiri taklimat RPI, mesyuarat dan lebih mengambil tahu dengan kandungan-kandungan dokumen RPI yang ditunjukkan (Gallagher, 2015; Walker et al. 2011). Oleh itu, aspek penglibatan ibu bapa perlu dititikberatkan dan diberikan keutamaan bagi memastikan kejayaan bersama dalam pelaksanaan RPI di sekolah. Ini kerana, tahap penglibatan ibu bapa ini amat penting dalam mencapai kata sepakat dalam menentukan program pendidikan dalam RPI, malahan menjamin kesihihan pelaksanaan RPI tersebut. Justeru itu, penglibatan ibu bapa dapat

meningkatkan perkhidmatan pendidikan dalam memenuhi keperluan MBK khususnya.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Penglibatan ibu bapa dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu paling dipengaruhi dengan usaha sama dan sokongan dari aspek komunikasi diikuti dengan pembelajaran di rumah, bantuan sukarela, keibubapaan dan membuat keputusan. Kepentingan aspek-aspek penglibatan ini dapat memberi panduan kepada pihak ibu bapa dalam mengenalpasti had atau tindakan yang perlu di ambil dalam meningkatkan tahap penglibatan dan program pembelajaran RPI anak mereka. Permuafakatan antara ibu bapa dan guru ini boleh diwujudkan lebih awal lagi seperti sebelum hari pertama persekolahan (Pruett et al., 2017; Scully & Howel, 2008). Antaranya seperti mewujudkan satu organisasi ibu bapa khusus dalam membangunkan program pembelajaran RPI anak mereka bersama-sama guru. Oleh itu, penglibatan ibu bapa perlu dititikberatkan bagi memastikan kejayaan bersama dalam pelaksanaan RPI di sekolah.

Perkara ini disokong oleh Siti Hasnah Bandu (2013), di mana perbincangan dan penyediaan RPI di sekolah-sekolah di Malaysia sebelum ini adalah kurang berjaya apabila guru sekolah tidak melibatkan ibu bapa sebagai salah satu ahli pasukan seperti yang dinyatakan dalam buku panduan RPI yang disediakan. Keperluan penglibatan mereka amat diperlukan dalam mengembangkan pengetahuan, sumber rujukan, kemahiran dan penambahbaikan terhadap pembelajaran anak berkeperluan khas mereka (Lasky et al. 2011). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan ibu bapa di daerah Klang, Selangor menunjukkan penglibatan yang tinggi terhadap pelaksanaan RPI di sekolah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan pembelajaran yang terbaik dan efektif kepada MBK. Malahan , pihak ibu bapa mengamalkan aspek-aspek dalam Model Epstein UNTUK memastikan penglibatan berterusan dan proaktif telah dilaksanakan bagi pembinaan program pendidikan RPI yang efektif dan bersesuaian dengan tahap pendidikan MBK.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim, A.R. (2006). *Agenda Perubahan : Pengurusan Sumber Manusia Dan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abidah Abd. Rahman. (2014). Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) Murid Berkeperluan Khas. Tesis Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Brandi, E.E. (2008). Parent Participation: Increasing Parent Involvement In The Individualized Education Programmed Process In Grades 6-12. Master of education :Ohio University.
- Carter, N., Prater, M.A., Jackson, A. & Marchant, M. (2009). Educator's perceptions of collaborative planning processes for student with disabilities. *Preventing School Failure* 54(1): 60-70.
- Christle, C.A. & Yell, M.I. (2010). Individualized Education Programs: Legal Requirements and research findings. *Exceptionallity* 18: 109-123.
- Churchill, S. S., Villareale, N. L., Monaghan, T. A., Sharp, V. L., & Kieckhefer, G. M. (2010). Parents of children with special health care needs who have better coping skills have fewer depressive symptoms. *Maternal and child health journal*, 14(1), 47
- Cohen, M. D. (2009). A guide to special education advocacy: What parents, clinicians, and advocates need to know. Jessica Kingsley Publishers.
- Cook, L. & Friend, M. (2010). The state of the art of collaboration on behalf of students with disabilities. *Journal of Educational and Psychological Consultation*, 20(1), 1-8.
- Epstein, J. L. (2005). A case study of the partnership schools comprehensive school reform (CSR) model. *Elementary School Journal* 106(2): 151 -170.
- Epstein, J.L. (2013). Ready or not? Preparing future educators for school, family, and community partnerships. *Teaching Education* 24(2) : 115-118.
- Epstein, J.L., Galindo, C.L., & Sheldon, S.B. (2011). Levels of leadership: effects of district and school leaders on the quality of school programs of family and community involvement. *Educational Administration Quarterly* 47(3): 462-495.
- Erdener, M.A. & Knoeppel, R. (2013). Parents Perceptions of their involvement in schooling. *Wulfenia Journal Reagensfurt Austria*. 23(9):60-73
- Gallagher, M. (2015). Individualized Education Program: Members attitudes on collaboration and communication. *All Capstone Projects* 145: 1-57.
- Graham-Clay, Susan. (2010). Communicating with Parents: Strategies for Teachers. *School Community Journal*. 15(1):117-129
- Hodge, N. & Runswick- Cole, K. 2008. Problematising Parent-Professional Partnerships In Education. *Disability & Society* 23(6): 637-647.
- Houtenville, A.J. & Conway, K.S. (2008). Parental Effort, School Resources, and Student Achievement. *The Journal Of Human Resources* 18(2) : 438-453.
- Lasky, B., Karge & Belinda Dunnick. (2011). Involvement Of Language Minority Parents Of Children With Disabilities In Their Child's School Achievement. *Multicultural Education*: San Francisco.
- Lim, B. H., & Chia, K. H. (2017). From Teachers And Family To Community: What Support Is Available For Our Children With Special Needs. *European Journal of Special Education Research*.
- Madigan, J.C. & Schroth-Cavataio, G. (2011). Building Collaborative Partnerships. *Principal Leadership* 12(3):26-30.
- Marschark, M., & Hauser, P. C. (2011). *How deaf children learn: What parents and teachers need to know*. OUP USA.
- Michael, S., Dittus, P., & Epstein, J. (2007). Family and community involvement in schools: Results from the school health policies and programs study 2006. *Journal of School Health*, 77(8), 567-587.
- Piper, T. (2012). Using school websites to support parent engagement. *Leadership* 42(2): 36-38.
- Pruett, M. K., Pruett, K., Cowan, C. P., & Cowan, P. A. (2017). Enhancing Father Involvement in Low- Income Families: A Couples Group Approach to Preventive Intervention. *Child Development*, 88(2), 398-407.
- Resch, J.A., Mireles, G., Benz, M.R., Grenwelge, C., Peterson, R. & Zhang. (2010). Giving parents a voice: A qualitative study of the challenges experienced by parents of children with disabilities. *Rehabilitation Psychology*. 55(2):139-150.
- Scully, P., & Howell, J. (2008). Using rituals and traditions to create classroom community for children, teachers and parents. *Early Childhood Education Journal*. 36(3):261-266.
- Shahrul Arba'ayah Othman, Norzaini Azman dan Manisah Mohd Ali. (2008). Faktor ibu bapa dalam kecemerlangan akademik pelajar pekak, kajian kes retroseptif.

- MJLI 5: 79-98.
- Siti Hasnah Bandu .(2013). Pemahaman Guru Dan Penglibatan Ibu Bapa Terhadap Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran Di Sebuah Sekolah Menengah. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Staples, K.E. & Diliberato, J.A. (2010). Guidelines for successful Parent Involvement. *Teaching Exceptional Children* 42(6): 58-63.
- Stein, L.B. (2009). The influence of parent and community involvement on local school councils in Massachusetts. *Dissertasi Sarjana*: University of Massachusetts.
- Sullivan, C.A. (2015). Examining parents' perceptions of the individualized education program meeting. *dissertasi Phd.* 722.
- Tubah, H., & Hamid, Z. (2011). Pengaruh demografi terhadap kemahiran membaca dan memahami dalam kalangan murid-murid LINUS. *Jurnal Melayu*, 6, 29-47.
- Tucker, V. & Schwartz, I. (2013). parents' perspectives of collaboration with school professionals: barriers and facilitators to successful partnerships in planning for students with ASD. *School Mental Health*32(6): 3-14.
- Turnbull, A., Turnbull, R., Erwin, E. & Soodak, L. (2006). Families, professionals and exceptionality; Positive outcomes through partnership and trust (5th ed) Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Turnbull, A.P., Turnbull, H.R. dan Kathleen Kyzar. (2008). Family-Family-Professional Partnerships As Catalysts For Successful Inclusion: a United States of America perspective. University of Kansas. USA.
- Tveit, A.D. (2009). A parental voice: parents as equal and dependent-rhetoric about parents, teachers, and their conversations. *Educational Review* 61(3): 289-300.
- Walker, J.M.T., Ice, C.L., Hoover-Dempsey, K.V. & Sandler, H.M. (2011). Latino parent's motivations for involvement in their children's schooling: An exploratory study. *The Elementary School Journal*. 111(3): 409-429
- Weishaar, P. M. (2010). Twelve ways to incorporate strengths-based planning into the IEP process. *The Clearing House*, 83(6), 207-210.
- Weiss, H. B., Lopez, M. E., & Rosenberg, H. (2010). Beyond Random Acts: Family, School, and Community Engagement as an Integral Part of Education Reform. National Policy Forum for Family, School, & Community Engagement. Harvard Family Research Project.
- Williams-Diehm, K.L., Brandes, J.A., Chesnut, P.W., & Haring, K.A. (2014). Student and parent IEP collaboration : A comparison across school settings. *Rural Special Education Quarterly*. 33(1): 3-13
- Zeitlin, V. M., & Curcic, S. (2014). Parental voices on individualized education programs: 'Oh, IEP meeting tomorrow? Rum tonight!'. *Disability & Society*, 29(3), 373-

